

06/09/1997

Punca PM tekankan hal agama

PEMIMPIN parti komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya memberi gambaran lebih jelas bagaimana Islam boleh membantu membangunkan budaya bangsa Melayu yang lebih cemerlang.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PPBS), Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, berkata Presiden Umno itu berusaha memberi gambaran mengenai peranan Islam dalam mendorong kemajuan umat Islam.

Katanyanya, Malaysia berjaya keluar daripada perangkap kemunduran sekaligus mewujudkan banyak peluang kepada umat Islam mendalami agama dengan lebih baik.

"Perdana Menteri bercakap panjang mengenai Islam kerana beliau cuba memberi perspektif lebih luas, mengaitkan semua unsur ajaran Islam dengan perkembangan dunia terbaru ketika ini," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno di Perhimpunan Agung Umno, di sini semalam.

Timbalan Presiden Parti Gerakan, Kerk Choo Ting (gambar), menganggap ucapan Perdana Menteri khususnya mengenai Islam sangat menyeluruh.

Katanya, rujukan mengenai sejarah Islam dan kaitannya dengan perjuangan umat Islam masa ini, membolehkan beliau memahami lebih mendalam mengenai ajaran agama itu.

"Ini adalah penjelasan mengenai Islam yang paling baik pernah saya dengar," katanya.

(END)